

# Orang Melayu perlu ubah sikap capai kemajuan

KOTA BHARU, Selasa — Masyarakat Melayu hari ini diseru supaya menyahut seruan pemimpin kerajaan khususnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad supaya mengubah sikap ke arah kemajuan bagi memperbaiki taraf hidup mereka, agar setanding dengan bangsa lain.

Ahli Parlimen kawasan Nilam Puri, Datuk Haji Mohamad bin Haji Ali berkata, orang Melayu harus memberi perhatian serius terhadap seruan itu supaya hasrat kerajaan untuk melihat mereka maju tidak menjadi angan-angan kosong.

Berucap di majlis penyampaian 'habuan' kepada guru-guru agama di sini, beliau menegaskan, perubahan sikap di kalangan masyarakat Melayu seperti yang disarankan oleh Perdana Menteri itu penting bagi menjamin mereka maju dan tidak lagi dianggap mundur dan miskin.

"Kita boleh berjaya jika kita berusaha ke arah itu kerana sudah ada orang Melayu yang telah berjaya dalam berbagai bidang pelajaran dan ekonomi kerana mereka berusaha mencapainya," tambahnya.

Katanya, orang Melayu mestilah bersedia menghadapi kenyataan tentang pentingnya bagi mereka memajukan diri sesuai dengan keadaan semasa agar mereka dapat mengikuti arus dan nikmat dari pembangunan negara yang pesat sekarang.

"Orang Melayu mesti berjiwa besar dan menanam semangat gi-

gih berusaha. Mereka juga boleh berjaya sekiranya bangsa-bangsa lain dapat berbuat demikian," tegas Datuk Haji Mohamad yang juga Setiausaha Perhubungan Umno, Kelantan.

Dalam hal ini, beliau menegur sikap setengah masyarakat Melayu yang tidak menghiraukan tentang pentingnya masa walaupun pepatah Melayu ada berbunyi: "Masa itu emas".

Tegasnya, sifat acuh tak acuh inilah merupakan satu faktor yang menyebabkan masyarakat Melayu sering ketinggalan dalam merebut peluang-peluang yang wujud ke arah memperbaiki taraf hidup mereka.

Untuk memperbaiki keadaan tersebut, Datuk Haji Mohamad menyeru guru-guru agama yang merupakan pemimpin tempatan memainkan peranan positif di tempat masing-masing agar hasrat kerajaan terutamanya Perdana Menteri yang ingin melihat perubahan kemajuan masyarakat Melayu tercapai.

Beliau juga membidas segelintir guru-guru agama yang dilantik oleh kerajaan dan tidak menjalankan tanggungjawab mereka seperti yang diharapkan.